



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

GAYA PEMBELAJARAN MURID DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENGUASAAN HAFAZAN DAN AKADEMIK DI SEKOLAH- SEKOLAH TAHFIZ



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HANISAH BINTI MOHAMAD HADZIR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**GAYA PEMBELAJARAN MURID DAN HUBUNGANNYA DENGAN
PENGUASAAN HAFAZAN DAN AKADEMIK DI SEKOLAH-SEKOLAH
TAHFIZ**

HANISAH BINTI MOHAMAD HADZIR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13/8/2024

Student'Declaration:

Saya, HANISAH BINTI MOHAMAD HADZIR, M20181001061 FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk GAYA PEMBELAJARAN MURID DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENGUASAAN HAFAZAN DAN AKADEMIK DI SEKOLAH-SEKOLAH TAHFIZ adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Supervisor's Declaration:

Saya PROF MADYA DR. MOHAMAD MARZUQI BIN ABDUL RAHIM dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk GAYA PEMBELAJARAN MURID DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENGUASAAN HAFAZAN DAN AKADEMIK DI SEKOLAH-SEKOLAH TAHFIZ dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN ISLAM.

Tarikh: 13/8/2024

Tandatangan Penyelia

PROF MADYA DR. MOHAMAD MARZUQI BIN ABDUL RAHIM
Pensyarah
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اوپنورسیتی قندیدیقن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS
PROJEK**

DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: GAYA PEMBELAJARAN MURID DAN HUBUNGANNYA DENGAN
PENGUASAAN HAFAZAN DAN AKADEMIK DI SEKOLAH-SEKOLAH
TAHFIZ

No. Matrik / Matric's No.: M20181001061

Saya / I: HANISAH BINTI MOHAMAD HADZIR

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sains Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissemination.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 13/8/2024

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF MADYA DR. MOHAMAD MARZUQI ABDUL RAHIM

Pensyarah

Jabatan Pengajian Islam

Fakulti Sains & Kemajuan Islam

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT dan TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya kepada Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan perkenan Nya, kajian yang bertajuk “Gaya Pembelajaran Murid Dan Hubungannya Dengan Penguasaan Akademik Dan Hafazan” ini dapat disempurnakan pada masa yang ditetapkan. Sesungguhnya, proses untuk menyiapkan disertasi ini amat memerlukan sokongan dan dorongan bagi menyemarakkan semangat saya untuk menyiapkan kajian yang baik. Saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu bapa yang dicintai, Mohamad Hadzir bin Desa dan Mahayan Zakaria, ibu bapa mertua dan adik beradik yang sentiasa memberi galakan serta mendoakan tanpa jemu.

Sanjungan dan penghormatan buat pensyarah penyelia yang sangat dihormati, Prof Madya Dr. Mohamad Marzuqi bin Abdul Rahim yang sentiasa membantu dan membimbing saya, jutaan terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah yang turut dalam memberikan ilmu pengetahuan dan idea secara langsung dan tidak langsung sepanjang tempoh pengajian saya di UPSI. Tidak lupa ucapan penghargaan dan terima kasih buat suami yang dikasihi Abdul Syaheed bin Ismail dan ahli-ahli keluarga yang banyak berkorban masa dan tenaga serta memberikan sokongan moral kepada saya, Pengetua cemerlang SBPI Rawang sesi 2019-2023, Tuan Haji Nor Azam bin Abdullah yang sentiasa menyokong dan para pentadbir di sekolah SBPI Rawang. Akhir sekali, rakan baik yang sentiasa memberi sokongan dan bantuan tanpa mengira masa, Ustaz Hazim serta rakan-rakan seperjuangan yang lain.

Penghargaan buat semua pihak yang telah memberi sokongan, dorongan dan sumbangan dalam apa jua bentuk yang telah diberikan. Segala kebaikan dan bantuan hanya Allah SWT yang dapat membalasnya.





ABSTRAK

Murid yang terpilih mengikuti tahfiz aliran perdana di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan murid-murid yang dianggap mampu dan layak untuk mengikuti kedua-dua aliran iaitu akademik dan hafazan dengan baik dan seimbang. Justeru, pelbagai gaya dan strategi yang digunakan oleh murid-murid ini bagi menguasai pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti gaya pembelajaran murid-murid sekolah tahfiz aliran perdana di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, dan menganalisis hubungan gaya pembelajaran murid tersebut dengan penguasaan akademik dan hafazan murid berdasarkan model visual, auditori, *reading & writing* dan kinestetik (VARK) dan Ibn Khaldun. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan soal selidik sebagai alat pengumpulan data. Seramai 495 responden dipilih dengan kaedah persampelan rawak mudah. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan gaya pembelajaran responden berada pada tahap sederhana tinggi iaitu min 3.70. Penguasaan murid dalam akademik dan hafazan juga berada pada tahap sederhana tinggi dengan min 3.48. Gaya pembelajaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan penguasaan akademik dan hafazan murid dengan nilai kolerasi Pearson (($r=0.433$, $p=0.000$, $p<0.01$). Implikasi kajian menunjukkan keperluan peluang kepada guru-guru untuk mengubah strategi pengajaran agar memenuhi keperluan murid dalam pendidikan tahfiz arus perdana.



STUDENT LEARNING STYLE AND ITS RELATIONSHIP WITH TAHFIZ AND ACADEMIC MASTERY IN TAHFIZ SCHOOLS

ABSTRACT

Students who are selected to follow the mainstream tahfiz in schools of the Ministry of Education Malaysia (KPM) are students who are considered capable and qualified to follow both streams, i.e. academics and memorization, in a good and balanced way. Therefore, various styles and strategies are used by these students to master learning. This study aims to identify the learning style of the students of mainstream tahfiz schools under the Malaysian Ministry of Education, and analyze the relationship between the student's learning style and the student's academic mastery and memorization based on the visual, auditory, reading & writing and kinesthetic model (VARK) and Ibn Khaldun. The design of this study uses a quantitative method with a questionnaire as a data collection tool. A total of 495 respondents were selected using a simple random sampling method. The study data was analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) software to obtain frequency, percentage, mean and standard deviation. The findings of the study show that the respondents' learning style is at a moderately high level, which is a mean of 3.70. The student's mastery in academics and memorization is also at a moderately high level with a mean of 3.48. Learning style has a significant relationship with academic mastery and student memorization with a Pearson correlation value ($r=0.433$, $p=0.000$, $p<0.01$). The implications of the study show the need for opportunities for teachers to change teaching strategies to meet the needs of students in education mainstream tahfiz.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
--	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	xii
-----------------------	-----

SENARAI RAJAH	xiv
----------------------	-----

SENARAI DAFTAR ISTILAH	xv
-------------------------------	----

SENARAI SINGKATAN	xvii
--------------------------	------

SENARAI LAMPIRAN	xix
-------------------------	-----

BAB 1 PENDAHULUAN	1
--------------------------	---

1.1 Pengenalan	1
----------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	2
---------------------------	---

1.3 Permasalahan Kajian	8
-------------------------	---



1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Hipotesis Kajian	10
1.7	Kerangka Konseptual dan Teoritikal Kajian	10
1.7.1	Kerangka Konseptual	10
1.7.2	Kerangka Teoritikal	11
1.8	Kepentingan Kajian	14
1.9	Definisi Konsep dan Operasi Kajian	15
1.9.1	Gaya Pembelajaran	15
1.9.2	Penguasaan	16
1.9.3	Murid	16
1.9.4	Hafazan	17
1.9.5	Akademik	17
1.10	Batasan Kajian	18
1.11	Kesimpulan	18

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR 20

2.1	Pendahuluan	20
2.2	Konsep Gaya Pembelajaran	21
2.2.1	Pembelajaran	21
2.2.2	Gaya Pembelajaran	23
2.2.3	Model-model Gaya Pembelajaran	28

2.2.3.1 Honey & Munford	28
2.2.3.2 Dunn Dunn	29
2.2.3.3 Felderman & Silverman	31
2.2.4 Jenis-jenis Gaya Pembelajaran	32
2.2.4.1 Ibn Khaldun	33
2.2.4.2 VARK	35
2.3 Kajian Lepas Yang Berkaitan	38
2.4 Kesimpulan	41
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	42
3.1 Pendahuluan	42
3.2 Reka Bentuk Kajian	43
3.3 Populasi dan Sample Kajian	43
3.4 Instrumen Kajian	44
3.4.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan	45
3.4.2 Kajian Rintis	47
3.5 Prosedur Kajian	49
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	49
3.7 Kaedah Penganalisan Data	50
3.8 Kesimpulan	53
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	54
4.1 Pendahuluan	54

4.2	Profil Responden Kajian	55
4.3	Gaya Pembelajaran Responden	58
4.3.1	Gaya Visual	63
4.3.2	Gaya Audio	65
4.3.3	Gaya Membaca dan Menulis	67
4.3.4	Gaya Kinestetik	70
4.4	Penguasaan Responden	71
4.4.1	Penguasaan Akademik Responden	75
4.4.2	Penguasaan Hafazan Responden	77
4.5	Analisis Hubungan Antara Gaya Pembelajaran dan Penguasaan Akademik dan Hafazan	79

BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN 82

5.1	Rumusan	82
5.2	Ringkasan Kajian	83
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	83
5.3.1	Gaya Pembelajaran	84
5.3.2	Penguasaan Akademik dan Hafazan	85
5.3.3	Hubungan Antara Gaya Pembelajaran dan Penguasaan Akademik dan Hafazan	87
5.4	Implikasi Kajian	88
5.5	Cadangan	90

5.6	Kesimpulan	91
	RUJUKAN	92
	LAMPIRAN	96

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Skala Likert	45
3.2	Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	48
3.3	Jadual Responden Mengikut Sekolah	50
3.4	Jadual Interpretasi Skor Min	53
4.1	Profil Responden	57
4.2	Persetujuan responden terhadap gaya pembelajaran yang digunakan di sekolah	59
4.3	Gaya Pembelajaran responden mengikut jenis gaya pembelajaran VARK	63
4.4	Persetujuan responden terhadap gaya pembelajaran visual yang digunakan di sekolah	64
4.5	Persetujuan responden terhadap gaya pembelajaran auditori yang digunakan di sekolah	66
4.6	Persetujuan responden terhadap gaya pembelajaran membaca dan menulis (reading and writing) yang digunakan di sekolah	68
4.7	Persetujuan responden terhadap gaya pembelajaran kinestetik yang digunakan di sekolah	71
4.8	Persetujuan responden terhadap penguasaan akademik dan hafazan	73



4.9	Persetujuan responden terhadap penguasaan akademik	76
4.10	Persetujuan responden terhadap penguasaan hafazan	78
4.11	Kolerasi antara gaya pembelajaran murid dengan penguasaan	81





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Hubungan gaya pembelajaran dengan penguasaan akademik dan hafazan murid	11
1.2	Hubung kait antara model VARK dan Ibn Khaldun	13
4.1	Graf min kekerapan gaya pembelajaran murid	62





SENARAI DAFTAR ISTILAH

<i>Ulul Albab</i>	Satu golongan yang mempunyai asas yang kukuh tentang Al Quran, Ilmu pengetahuan yang luas dan pelbagai, mampu berfikir dan memerhati kejadian Allah melalui mata hati dan akal yang tajam serta mengambil iktibar darinya.
<i>Mutadayyin</i>	Memiliki ilmu agama
<i>Quranik</i>	Murid menghafaz 30 Juzuk al-Quran
<i>Ijtihadik</i>	Murid yang berupaya memberikan pandangan dalam menyelesaikan masalah, memaksimumkan kemampuan berfikir aras tinggi, kreatif dan inovatif. Pendekatan ketiga-tiga elemen akan dilaksanakan secara bersepadu melalui pengintegrasian antara kurikulum dan ko-kurikulum.
<i>Ensiklopedik</i>	Murid menguasai pelbagai disiplin ilmu dan bahasa, berkemahiran tinggi dan mampu bertindak sebagai pakar rujuk pada masa akan datang.
<i>Talqin</i>	Pandang Dengar
<i>Tiqrar</i>	Pengulangan
<i>Tajribah</i>	Percubaan
<i>Taqlid</i>	Ikutan
<i>Syafawi</i>	Lisan
<i>Tasmik</i>	Memperdengarkan bacaan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvi

Tahfiz

Menghafal

Murajaah

Pengulangan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**SENARAI SINGKATAN**

A.S	Alaihi Salam
BIFFAS	Baca, Ingat, Faham, Fikir, Amal dan Sebar
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
BPPPKPM	Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia
DPTN	Dasar Pendidikan Tahfiz Negara
FSK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IBM SPSS	Statistical Package for Social Science
KBT	Kurikulum Bersepadu Tahfiz
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
R.A	Radhiallahu Anhu
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
S.A.W	Sallallah Alaihi Wasallam
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
S.W.T	Subhanahuwataala





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xviii

TMUA

Tahfiz Model Ulul Albab

VARK

Teori Pembelajaran Visual, Auditori, Reading & Writing dan
Kinestetik



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Kesahan Pakar
- B Borang Soal Selidik
- C Jadual Persampelan Krecjie & Morgan
- D Surat



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Gaya pembelajaran murid merupakan suatu perkara yang sangat penting diketahui oleh pendidik dan guru-guru di sekolah, kerana perkara ini boleh membantu guru menyesuaikan strategi yang akan diaplikasikan dalam pembelajaran untuk mengasah potensi dan kecemerlangan murid di sekolah. Dewasa ini, sekolah tahfiz telah menjadi salah satu kurikulum perdana di sesetengah sekolah yang terpilih. Terdapat banyak permintaan dari ibu bapa yang berhasrat untuk menempatkan anak mereka ke sekolah kerajaan yang menggunakan kurikulum tahfiz. Murid-murid yang memasuki sekolah-sekolah tersebut adalah murid-murid yang terpilih dan telah ditemuduga. Proses temuduga dilaksanakan bagi mendapatkan murid-murid yang mempunyai potensi dan kebolehan dalam akademik dan hafazan sahaja ditawarkan ke sekolah-sekolah tersebut. Pencapaian murid di sekolah akan dilihat dalam kedua-dua aspek iaitu



akademik dan hafazan. Justeru itu, gaya pembelajaran murid di sekolah tahfiz perlu dikaji untuk mendapatkan hubungannya dengan pencapaian di sekolah.

Bab ini akan membincangkan latar belakang kajian, objektif kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka teoritikal dan konseptual kajian, kepentingan kajian, definisi konsep dan operasi kajian, batasan kajian dan kesimpulan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Rasulullah S.A.W telah menerima wahyu dari Allah S.W.T melalui perantaraan Jibril dalam tempoh 23 tahun selepas wahyu pertama yang diturunkan di Gua Hira' iaitu surah *al-'Alaq* ayat 1-5. Dalam tempoh tersebut Rasulullah menyampaikan ayat-ayat al-Quran yang diturunkan kepada para sahabat lalu para sahabat terus menghafaz ayat-ayat tersebut sebagai satu cara memeliharanya. Allah s.w.t telah menegaskan bahawa Dia akan menjaga ayat-ayat yang telah diturunkan (*al-Hijr* : 9) lalu Allah telah memudahkan manusia untuk menghafaznya (*al-Qamar* : 17) bagi mengelakkan al-Quran dipalsukan oleh musuh-musuh Islam. Ini menunjukkan mukjizat al-Quran dan kepentingan sekumpulan manusia yang menghafaz dan menjaga al-Quran.

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

(*al-Hijr* : 9)



وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ ﴿١٧﴾

“Dan demi sesungguhnya! Kami telah memudahkan Al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?”

(al-Qamar : 17)

Allah telah mengangkat darjat orang yang menghafaz al-Quran dengan memberi penghormatan yang tinggi (*al-Fathir* : 29-30). Justeru orang yang menghafaz al-Quran perlu menjaga dan memelihara al-Quran yang telah dihafaz dengan bersungguh-sungguh dan menunjukkan ketinggian ilmu sebagai seorang Ulul Albab yang mempunyai nilai yang tinggi dan dapat memberi manfaat kepada masyarakat.

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّن تَبُورَ ﴿٢٩﴾ لِيُوفِّيَهُمْ أُجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِ إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٠﴾

“Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian; Supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahi mereka dari limpah kurniaNya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang yang bersyukur kepadaNya).”

(al-Fathir : 29-30)

Istilah Ulul Albab disebutkan di dalam Al-Quran sebanyak 16 kali bagi menunjukkan kepentingan golongan Ulul Albab. Allah berfirman dalam surah *al-Baqarah* ayat 179 yang bermaksud *“Dan di dalam hukuman Qisas itu ada jaminan hidup bagi kamu, wahai orang-orang yang berakal fikiran, supaya kamu bertaqwa”*. Dalam ayat lain Allah berfirman pada surah *Ali ‘Imran* ayat 7 yang bermaksud *“Dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran”*.



Terdapat pujian Allah terhadap golongan Ulul Albab dirakamkan dalam surah *Ali Imran* ayat 190-191 kerana mereka mempunyai dua ciri yang sangat disukai oleh Allah iaitu zikir dan fikir (Danial, 2015). Firman Allah: “*Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, adalah tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal*”.

Allah telah menyatakan beberapa ciri bagi menentukan seseorang itu dianggap sebagai golongan Ulul Albab seperti yang disebutkan di dalam al-Quran. Melihat akan keistimewaan yang dijanjikan oleh Allah dan kelebihan golongan ini, maka kurikulum TMUA telah dilaksanakan di Malaysia hasil cetusan idea Dato’ Seri Idris Jusoh pada tahun 2012. Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) telah mula dilaksanakan di tiga buah sekolah terpilih pada tahun 2014 menggunakan Kurikulum Berasaskan Tahfiz (KBT). Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong (SMAP Bentong), Sekolah Menengah Agama Kuala Lumpur (SMAKL) dan Sekolah Menengah Agama Kedah (SMKAK).

Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab mempunyai matlamat dan fokus yang tertentu. Matlamat utama TMUA ialah untuk melahirkan golongan profesional, teknokrat dan usahawan hafiz yang mengamalkan ajaran Islam (*mutaddayyin*) dan memiliki pelbagai kemahiran ilmu selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FSK). Konsep Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) menekankan tiga pendekatan utama yang perlu dipenuhi sepanjang tempoh pembelajaran murid iaitu elemen *Quranik* yang mana murid perlu menghabiskan hafazan 30 juzuk al-Quran serta memahami kandungannya berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan





sebar (BIFFAS), pendekatan *ijtihadik* pula adalah keupayaan murid dalam menyumbang idea dalam menyelesaikan masalah, menginovasi dengan memaksimumkan penggunaan akal secara kreatif dan inovatif, manakala pendekatan *ensiklopedik* pula adalah satu pendekatan bagi menyediakan asas kepada murid untuk menguasai pelbagai disiplin ilmu dan bahasa, berkemahiran tinggi serta mampu menjadi pakar rujuk kepada rakan sebaya (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 10/2023).

Perkembangan sekolah-sekolah tahfiz di Malaysia secara formal bermula sejak Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengasaskan penubuhan kelas menghafaz al-Quran dan Qiraat di Masjid Negara pada tahun 1966 (JAKIM, 2003). Setelah itu, sekolah-sekolah tahfiz berkembang di Malaysia sehingga pada tahun 2014, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan satu konsep baru untuk sekolah-sekolah terpilih iaitu Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Sehingga kini, terdapat 15 buah sekolah yang melaksanakan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di seluruh negara (KPM, 2022) yang mengguna pakai Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) merangkumi empat buah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan 11 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) . Selain itu, terdapat 20 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang menggunakan kurikulum KBT (Bahagian Pendidikan Islam, 2022). Bagi memperkasakan lagi bidang tahfiz di negara ini, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) telah dikeluarkan pada tahun 2021 juga dilihat sebagai satu usaha yang proaktif dari pihak kerajaan bagi memastikan pelaksanaan kurikulum tahfiz di negara ini sebagai kurikulum aliran perdana seiring dengan kurikulum kebangsaan yang sedia ada. DPTN ini diharap akan menjadi satu dokumen rujukan bagi semua institusi tahfiz di negara ini (JAKIM, 2021). Dokumen ini mengandungi lima teras utama iaitu Memantapkan Undang-undang dan





Penguatkuasaan, Mewujudkan Model Institusi Tahfiz, Mewujudkan Kurikulum Pendidikan Tahfiz yang Sesuai Dengan Pendidikan Arus Perdana, Memperkasakan Tadbir Urus Institusi Tahfiz dan Mewujudkan Sistem Pengiktirafan dan Pensijilan bagi Institusi Tahfiz.

Berdasarkan rekod, para murid yang mengikuti aliran tahfiz dan akademik ini mencapai kejayaan yang lebih cemerlang apabila dibuktikan dalam keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) (Arniyuzie, 2015) walaupun masa pembelajaran untuk setiap subjek terpaksa dikurangkan bagi memenuhi pertambahan subjek Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran.



menghasilkan generasi penghafaz al-Quran yang bertambah pada setiap tahun. Keberhasilan para penghafaz al-Quran sedari usia muda iaitu seawal 13 tahun di sekolah-sekolah aliran kebangsaan yang mana matlamat kurikulum ini ialah bagi menghasilkan murid yang menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam tempoh lima tahun dan juga menguasai ilmu akademik yang lain serta aktif dalam kokurikulum menunjukkan terdapat tiga golongan murid, iaitu sama ada murid yang berjaya di kedua-dua bidang akademik dan hafazan, murid yang berjaya dalam bidang hafazan sahaja dan sedikit lemah dalam akademik atau golongan ketiga iaitu murid yang berjaya dalam bidang akademik sahaja, namun sedikit lemah dalam hafazan. Perbezaan antara tiga golongan murid ini dapat dilihat dalam keputusan peperiksaan akhir tahun dan peperiksaan awam seperti Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) pada tahun





2018 dan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2019-2022 yang lalu (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2022).

Budaya dan gaya pembelajaran antara murid-murid di sekolah-sekolah tahfiz berbeza dan menyebabkan perbezaan antara prestasi murid yang mengikuti aliran tahfiz dan TMUA ini (BPI, 2022). Pakej-pakej subjek yang ditawarkan di sekolah-sekolah yang berbeza juga tidak sama. Sebagai contoh, Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Rawang, hanya menyediakan satu pakej aliran sahaja kepada murid tingkatan empat dan lima iaitu aliran Sains Tulen dan tahfiz, berbeza dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur yang memberi pilihan kepada murid dengan menawarkan tiga pakej aliran bagi murid tingkatan empat dan lima iaitu, Sains Tulen dan Tahfiz, Sains Sosial dan Tahfiz serta Sains Agama dan Tahfiz.



Gaya pembelajaran dan kaedah hafazan al-Quran sering kali berbeza di antara murid lantaran mendapat didikan hafazan dari guru yang berbeza (Azmil, Ab. Halim, Misnan, Aderi, 2014). Peranan seorang ustaz atau ustazah tahfiz sangat penting dalam menentukan gaya dan pencapaian murid kerana guru *halaqah* mempunyai masa yang panjang dengan murid masing-masing serta mempunyai hubungan emosi secara langsung dan tidak langsung dengan para murid.

Kesimpulannya, pendidikan tahfiz di negara Malaysia semakin berkembang pesat dan mendapat sambutan yang baik dari masyarakat. Ibu bapa, komuniti, para pendidik dan pihak berkepentingan sentiasa mengharapkan murid-murid di bidang tahfiz ini dapat menjadi pemimpin masa hadapan yang akan menyambung legasi





negara dengan lebih baik. Pelbagai usaha telah dan sedang dirangka bagi menjamin kemenjadian murid-murid tahfiz di negara ini.

1.3 Permasalahan Kajian

Dewasa ini, sekolah-sekolah tahfiz mendapat tempat di hati ibu bapa dan masyarakat Malaysia. Kebanyakan ibu bapa mengharapkan anak-anak mereka menghafaz al-Quran atau sekurang-kurangnya seorang dari anak mereka menghafaz al-Quran (Norlizah, Fathiyah, Fauzi, Lukman, Marzuki, 2017). Permintaan yang tinggi untuk kemasukan ke sekolah berlatar belakang tahfiz dan melaksanakan kurikulum kebangsaan secara serentak menyebabkan pemilihan murid untuk kemasukan ke sekolah-sekolah yang melaksanakan TMUA dan KBT ini menjadi lebih ketat. Ini dilakukan bagi memilih murid yang mampu membawa kedua-dua aliran iaitu hafazan al-Quran dan akademik secara seimbang.

Terdapat murid yang mampu menyeimbangkan antara akademik dan hafazan (Arniyuzie, 2015) dan terdapat murid yang tidak dapat menyeimbangkan antara pencapaian akademik dan hafazan al-Quran. Ada sesetengah murid mampu menghabiskan hafazan al-Quran dalam tempoh yang ditetapkan, namun kurang menonjol di dalam akademik dan sebaliknya ada murid tidak mampu menghabiskan sukatan hafazan mengikut tempoh yang ditetapkan (Misnan & Ahmad Sadadi, 2003, Nor Musliza, Mokmin & Basri 2016) namun mencapai kejayaan yang baik dalam akademik.





Perbezaan pencapaian murid di sekolah berkait dengan gaya pembelajaran (Norlia, T.Subahan, Lilia & Kamisah, 2006). Sehubungan dengan itu, kajian yang memfokuskan gaya pembelajaran murid perlu dikaji bagi mengenal pasti adakah gaya pembelajaran murid mempengaruhi pencapaian murid dari segi akademik dan hafazan. Selain itu, terdapat perbezaan pencapaian hafazan dan akademik antara murid di sekolah menengah agama, sekolah berasrama penuh dan sekolah agama bantuan kerajaan. Doris (1993) dalam Liau (2000) dalam Meor Ibrahim, Assaadah (2011) menyatakan gaya pembelajaran setiap murid perlu diuji kerana gaya pembelajaran mempunyai kesan terhadap pencapaian mereka.

1.4 Objektif Kajian



Secara umumnya, objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti gaya pembelajaran murid dan hubungannya dengan penguasaan murid, manakala objektif khusus bagi kajian ini pula adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Mengetahui gaya pembelajaran murid di antara sekolah-sekolah KBT.
- 1.4.2 Mengetahui penguasaan akademik dan hafazan murid di sekolah-sekolah tahfiz.
- 1.4.3 Menganalisis hubungan antara gaya pembelajaran dan penguasaan akademik murid sekolah-sekolah tahfiz.
- 1.4.4 Menganalisis hubungan antara gaya pembelajaran dan penguasaan hafazan murid sekolah-sekolah tahfiz





1.5 Persoalan Kajian

Antara persoalan-persoalan kajian yang akan dijawab dalam kajian ialah seperti berikut:

- 1.5.1 Apakah gaya pembelajaran murid di antara sekolah-sekolah tahfiz .
- 1.5.2 Bagaimanakah penguasaan akademik dan hafazan murid-murid di sekolah tahfiz.
- 1.5.3 Apakah hubungan antara gaya pembelajaran dan penguasaan akademik dan hafazan murid.

1.6 Hipotesis Kajian



Kajian ini bertujuan menguji hipotesis seperti berikut:

- Ho 1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min antara gaya pembelajaran dan penguasaan akademik
- Ho 2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min antara gaya pembelajaran dan penguasaan hafazan

1.7 Kerangka Konseptual dan Teoritikal Kajian

1.7.1 Kerangka Konseptual

Secara umumnya penyelidikan ini mengkaji gaya pembelajaran seseorang murid, proses pembelajaran murid dan hubungannya dengan penguasaan hafazan dan



akademik di sekolah-sekolah yang melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan menggunakan Model Tahfiz Ulul Albab (TMUA). Gaya pembelajaran murid, keadaan budaya dan gaya belajar yang ditentukan oleh sesebuah sekolah akan mempengaruhi penguasaan hafazan dan akademik seseorang murid. Pengalaman pembelajaran yang berbeza antara sebuah sekolah dan sekolah yang lain juga membentuk karekter, reaksi serta respon murid terhadap pembelajaran dan ini mempengaruhi pencapaian dan penguasaan murid (Azizi, Shareeza, UTM Skudai & Noordin, 2003) dalam akademik dan hafazan al-Quran.

Rajah 1.1

Hubungan gaya pembelajaran dengan penguasaan akademik dan hafazan murid





1.7.2 Kerangka Teoritikal Kajian

Terdapat pelbagai teori gaya pembelajaran yang telah diperkenalkan oleh pakar-pakar pembelajaran seperti Teori Pembelajaran Model Bawang Merah (*the onion model*), Teori pembelajaran Dunn Dunn, Teori Pembelajaran Filder & Silverman, Teori Pembelajaran VARK, Gaya Pembelajaran Teoris, Teori Pembelajaran Kolb dan seumpamanya.

Dalam kajian ini, teori pembelajaran Visual, Auditori, *Reading & Writing* dan Kinestetik (VARK) dan teori pembelajaran Ibn Khaldun digunakan sebagai teori yang akan dikaji sebagai gaya pembelajaran murid di sekolah yang terlibat. Teori pembelajaran VARK diperkenalkan oleh Neil Fleming pada tahun 2002, yang mana model ini mempunyai empat aspek gaya pembelajaran yang berbeza iaitu visual, audio, *reading and writing* (membaca dan menulis) dan kinestetik. Gaya-gaya tersebut dapat dijelaskan seperti berikut; iaitu gaya pembelajaran murid visual yang menggunakan penglihatan di mana murid lebih suka belajar menggunakan huruf, perkataan, ilustrasi, teks dan sebagainya. Gaya pembelajaran murid auditori pula belajar dengan pendengaran, yang mana kekuatan mereka dalam mengumpul maklumat adalah dengan mendengar perkataan atau arahan, syarahan, mendengar audio, berbual, bertanya soalan dan memberi pendapat. Gaya pembelajaran *reading and writing* (membaca dan menulis) pula, adalah gaya pembelajaran murid yang aktif menulis kembali nota yang telah disalin atau yang dibuat semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Mereka bergantung kepada pembacaan dan penghafalan, serta perlu untuk menerangkan semula apa yang dipelajari kepada orang lain. Gaya pembelajaran murid kinestetik pula suka belajar melalui pengalaman dan melibatkan




diri secara fizikal seperti menulis, melukis, membuat latihan, membuat amali, lakonan, eksperimen dan membuat projek (Neil Fleming & Charles Bonwell, 2019).

Manakala, gaya pembelajaran yang di perkenalkan oleh Ibn Khaldun melalui bukunya Mukaddimah Ibn Khadun (2001), menerangkan bahawa gaya pembelajaran adalah dengan *talqin* (pandang dengar), *tiqrar* (pengulangan), berfokus, *tajribah* (percubaan) dan *taqlid* (ikutan). Gambaran hubungkait antara kedua-dua gaya pembelajaran adalah seperti Rajah 1.2

Rajah 1.2

Hubung kait antara model VARK dan Ibn Khaldun





Gaya pembelajaran Ibn Khaldun ini, menekankan bahawa proses pembelajaran akan berlaku dengan baik apabila murid dan guru menggunakan gaya pembelajaran dan pengajaran yang beransur-ansur serta sedikit demi sedikit, sehingga sesuatu ilmu itu difahami. Gaya pembelajaran yang pertama, iaitu *talqin* (pandang dengar), menekankan agar murid melihat dan memandang guru yang mengajar serta mendengar ilmu yang dipelajari, serta maklumat yang hendak disampaikan dengan baik. *Tiqrar* (pengulangan) merupakan gaya pembelajaran, yang mana seseorang murid akan mengulang pembelajaran yang dipelajari secara berulang kali, dengan membaca, membuat nota dan menghafaz.

Ibn Khaldun (2001) menyatakan, bahawa gaya pembelajaran berfokus, adalah satu gaya di mana seseorang mendapatkan ilmu pengetahuan dengan berfokus, dan tidak mencampur adukkan antara tajuk-tajuk ilmu sehingga difahami sesuatu ilmu tersebut. *Tajribah* (percubaan) pula adalah gaya pembelajaran yang menekankan konsep eksperimen, dan cuba jaya. Gaya ini hampir sama dengan gaya kinestetik yang mana murid yang menggunakan gaya pembelajaran ini suka mendapatkan ilmu pengetahuan dengan melakukan aktiviti dan percubaan. Gaya pembelajaran *taqlid* (ikutan) adalah gaya di mana seseorang hanya mengikut apa sahaja maklumat yang diberikan dan lebih kepada mengikut situasi dan keadaan.

1.8 Kepentingan Kajian

Beberapa kepentingan dikenal pasti dalam menjalankan kajian ini. Antara kepentingan kajian ini ialah dapat menyediakan maklumat dan pengetahuan kepada





guru-guru akan perbezaan gaya belajar antara murid yang menyebabkan perbezaan pencapaian dan penguasaan antara mereka, justeru para guru dan pendidik boleh menggunakan maklumat ini untuk menggunakan pakai pendekatan yang pelbagai dalam teknik pengajaran. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dapat ditingkatkan apabila guru mampu membentuk satu teknik pengajaran, aktiviti dan strategi yang sesuai serta sepadan bagi murid-murid berdasarkan maklumat gaya pembelajaran yang diperolehi.

Pihak-pihak berkepentingan dalam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga dapat menggunakan data kajian ini untuk mempertimbangkan jumlah waktu belajar dan strategi yang boleh digunakan untuk dilaksanakan dalam kurikulum di sekolah KBT serta membuat pemilihan yang tepat untuk kemasukan murid di sekolah-sekolah KBT. Selain itu, KPM boleh mencungkil masalah yang wujud di kalangan murid-murid di sekolah KBT dan mengenal pasti masalah guru-guru yang mengajar agar pencapaian dan objektif pelaksanaan sekolah KBT tercapai.

Ibu bapa pula boleh mendapat manfaat dengan melihat gaya pembelajaran anak-anak mereka, dan menyediakan bahan sokongan yang sesuai bagi membantu pencapaian dan penguasaan anak-anak di sekolah. Sokongan dan bantuan dari ibu bapa serta komuniti sangat penting bagi memastikan kejayaan generasi penghafaz al-Quran dalam hafazan, akademik dan sahsiah.



1.9 Definisi Konsep dan Operasi Kajian

1.9.1 Gaya Pembelajaran

Dalam kajian ini, gaya pembelajaran bermaksud cara belajar dan proses belajar seseorang murid di sekolah berasrama. Murid di sekolah yang mengamalkan model TMUA wajib tinggal di asrama yang mana masa dan aktiviti murid telah disusun mengikut jadual dan proses tertentu secara sistematik (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 10/2023). Ini membuatkan gaya pembelajaran murid akan terarah terhadap sistem yang telah ditentukan. Justeru, kita akan dapat lihat kepelbagaian strategi dan gaya pembelajaran digunapakai setiap murid bagi mencapai matlamat pendidikan (Faridah, Mohd Razimi & Nurul Huda, 2022).

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

Gaya pembelajaran dalam kajian ini juga, bermaksud strategi dan teknik belajar yang digunakan oleh murid-murid di sekolah dengan tujuan mencapai keputusan dan pencapaian yang baik dalam peperiksaan.

1.9.2 Penguasaan

Penguasaan hafazan yang dimaksudkan di dalam kajian ini adalah kejayaan murid menghabiskan sukatan atau muqarrar yang telah ditentukan mengikut tingkatan atau dapat menghafaz lebih dari sukatan yang ditetapkan dan mampu murajaah atau mengulang hafazan secara konsisten. Penguasaan hafazan juga dimaksudkan dengan



kemampuan murid untuk menjawab soalan hafazan al-Quran ketika disoal secara *syafawi* (lisan) (Dokumen Standard Kurikulum & Pentaksiran Hifz al-Quran, 2014).

Penguasaan akademik pula bermaksud kejayaan murid untuk memahami pelajaran yang diajar disekolah, mampu untuk mengeluarkan maklumat dan isi pelajaran apabila diminta, tahu menggunakan ilmu dan maklumat yang diperolehi apabila diperlukan dan mencapai gred yang baik dalam peperiksaan.

1.9.3 Murid

Murid merupakan individu yang belajar di sekolah-sekolah dan mengikuti pengajian dan pembelajaran yang telah disusun, mengikuti aktiviti yang telah di atur, mengikuti semua peraturan di sekolah dan asrama, serta mengikuti pembelajaran dalam tempoh masa yang ditetapkan. Murid yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah murid yang mengikuti Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di sekolah-sekolah aliran perdana.

1.9.4 Hafazan

Hafazan merupakan satu proses menyimpan sesuatu maklumat, namun dalam kajian ini, hafazan membawa maksud penyimpanan kalam suci al-Quran di dalam dada murid sebanyak 30 juzuk. Murid perlu melalui proses membaca al-Quran dengan bertajwid, menghafaz ayat-ayat tersebut, *tasmik* ayat yang telah dihafaz di hadapan guru, dan akhirnya mengulang atau *murajaah* al-Quran yang telah dihafaz.





1.9.5 Akademik

Akademik adalah mata-mata pelajaran yang dipelajari oleh murid-murid di sekolah yang mana semua mata pelajaran yang dipelajari oleh murid adalah kurikulum yang telah disusun oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua murid tidak kira peringkat adalah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Sains dan Matematik.

Bagi murid menengah rendah, terdapat 9 mata pelajaran wajib iaitu Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Geografi, Matematik, Sejarah, Pendidikan Islam, Pendidikan Jasmani, Pendidikan Seni, Sains dan RBT. Bagi murid sekolah tahfiz, terdapat tambahan mata pelajaran iaitu, Bahasa Arab dan Maharat al-Quran serta Bahasa Antarabangsa bagi sesetengah sekolah seperti SBPI Rawang.

Bagi murid menengah atas pula, terdapat pelbagai pakej yang ditawarkan, seperti sains tulen, sains ikhtisas, perakauan, agama ikhtisas dan sebagainya. Bagi sekolah yang mengambil kurikulum KBT pula terdapat tambahan mata pelajaran Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini akan dijalankan di tiga (3) buah sekolah iaitu di sebuah sekolah berasrama penuh (SBP) iaitu Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Rawang, sebuah sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama





Kuala Lumpur dan Sebuah sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) iaitu Sekolah Menengah Agama Haji Mohd. Yatim yang melibatkan 400-500 orang murid Tingkatan 2 dan 4 sekolah-sekolah berkenaan. Ketiga-tiga sekolah ini dipilih kerana menggunakan kurikulum yang sama iaitu TMUA. Selain itu, ketiga-tiga sekolah ini dipilih berdasarkan laporan kejayaan murid-murid di sekolah-sekolah ini dalam hafazan dan akademik.

1.11 Kesimpulan

Sekolah-sekolah yang melaksanakan KBT telah dibekalkan dengan murid-murid yang terpilih dan melalui proses temu duga yang standard untuk kemasukan ke sekolah-sekolah tersebut. Justeru, murid-murid yang mengikuti KBT ini dipercayai mempunyai kebolehan dan keupayaan yang hampir sama pada permulaannya. Namun gaya pembelajaran dan proses pembelajaran serta budaya belajar di sekolah menentukan pencapaian setiap murid di sekolah yang mempunyai pentadbiran yang berbeza. Oleh itu, kajian yang akan dijalankan ini, diharapkan mampu untuk mengenal pasti gaya pembelajaran murid, dan hubungannya dengan penguasaan murid dalam akademik dan hafazan di sekolah-sekolah terpilih.

Bab seterusnya, akan meninjau kajian-kajian terdahulu yang telah dijalankan berkaitan gaya pembelajaran, konsep dan model gaya pembelajaran yang telah diperkenalkan oleh tokoh-tokoh pendidikan.

